



SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 03/05

PUTRAJAYA FORUM 2024 - PERSIDANGAN MENGENAI PERTAHANAN SERTA KESELAMATAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

1. Kuala Lumpur, 6 Mei 2024 - Bertemakan ***Non-Traditional Threat and Emerging Technologies*** menyaksikan Forum Putrajaya 2024 telah direalisasikan seiring sebagai segmen yang tersedia pada Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC ASIA) 2024 bertempat di Ballroom 1, Aras 3, Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa (MITEC) pada hari ini.
2. Forum Putrajaya adalah merupakan satu **platform persidangan berskala antarabangsa yang dilaksanakan bertujuan bagi menghimpunkan komuniti penggubal dasar, badan pemikir dan agensi pertahanan serta keselamatan serantau dan antarabangsa**. Persidangan ini menterjemahkan fokus menerusi pendekatan secara sesi dialog dan perbincangan terbuka yang membina antara peserta meliputi idealogi perkongsian pengetahuan, mengenalpasti keutamaan bersama, meneroka penyelesaian inovatif dan mengukuhkan perkongsian untuk keamanan serta kemakmuran serantau dan antarabangsa yang mampan.
3. Siri forum pada kali ini telah direalisasikan menerusi dua sesi dialog utama. Sesi pertama dibawah seliaan moderator Profesor Hajah Ruhanas binti Harun dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia memperlihatkan kupasan topik perbincangan oleh barisan panel pembentang yang terdiri Menteri Pertahanan Zimbabwe; Oppah Chamu Zvipange Munchiguri Kashiri dan Timbalan Menteri Pertahanan Republik Turkiye; Dr.Celal Sami TÜFEKÇİ. ***Towards Enhanced Non-Traditional Security Cooperation*** berintipatikan situasi persaingan geopolitik yang tidak berpenghujung menjadi intipati perbincangan yang dibahaskan panelis sepanjang sesi pertama ini.

Sesi kedua pula telah menampilkan barisan panel pembentang terdiri daripada Panglima Angkatan Tentera Malaysia; Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Ketua Biro Pengawal Kebangsaan Amerika Syarikat; Jeneral Daniel R. Hokanson dan Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya; Dr. Su Wai Mon. Sesi ini memperlihatkan perbincangan topik berkisarkan ***Applying Emerging Technologies in Improving Military/ Defence Diplomacy*** yang membahaskan mengenai Kecerdasan Buatan, Robotik, Dron dan Teknologi Angkasa. Felo Penyelidik Kanan Universiti Malaya, Profesor K.S. Nathan telah bertindak sebagai moderator bagi sesi ini.

Terdahulu, Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyampaikan ucaptama beliau dan seterusnya merasmikan forum persidangan anatarabangsa ini. Forum ini telah dihadiri kira-kira lebih **300 peserta** dari dalam dan luar negara dengan tekad bagi memupuk kebersamaan dan keterangkuman dalam membina masa depan serantau dan antarabangsa yang lebih berdaya tahan dan makmur untuk faedah kolektif kemanusiaan.